

0515

U B736 AAB  
MAHATHIR - KAIZAN

JITRA, 12 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGGESA PARA PEGAWAI KERAJAAN SUPAYA MENCONTOHI SEMANGAT +KAIZAN+ ORANG-ORANG JEPUN BAGI MENJAMIN PERUBAHAN DAN KEMAJUAN DICAPAI SECARA BERTERUSAN, AGAR RAKYAT DAN NEGARA DIHORMATI.

PERDANA MENTERI BERKATA, PENCAPAIAN EKONOMI NEGARA PADA MASA LALU MENERUSI PENEMUAN BIJIH TIMAH, PENANAMAN GETAH DAN KELAPA SAWIT MERUPAKAN KEMAJUAN SECARA MENDADAK PADA MASA TERTENTU SAHAJA TETAPI KEJAYAAN MELALUI SISTEM +KAIZAN+ ADALAH BERTERUSAN MELALUI PENEMUAN BARU DARI MASA KE SEMASA.

KETIKA BERUCAP KEPADA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH KUBANG PASU DI SINI HARI INI, BELIAU BERKATA, KEMAJUAN YANG DIMAKSUDKAN ITU TIDAKLAH BERGANTUNG KEPADA MEREKA YANG MERANCANG ATAU PARA SAINTIS SEMATA-MATA, SEBALIKNYA HARUSLAH DIUSAHAKAN OLEH SEMUA LAPISAN MASYARAKAT SAMA ADA PEGAWAI KERAJAAN, PETANI ATAU BURUH.

BELIAU MEMBERI CONTOH BAHAWA PROJEK KERETA PROTON SAGA PADA MULA DILANCARKAN UNTUK PASARAN DALAM NEGERI TETAPI ATAS USAHA YANG GIGIH, KERETA NASIONAL ITU DAPAT DIPASARKAN DI EROPAH DAN TIDAK LAMA LAGI DI AMERIKA SYARIKAT.

KATANYA, KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA BUKANLAH SUATU YANG TIDAK BOLEH DICAPAI JIKA SEMUA PIHAK, TERMASUK SWASTA, BERGANDING BAHU ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MENGIKIS SIKAP MENYALAHKAN ANTARA SATU SAMA LAIN JIKA SESUATU PROJEK MENGALAMI KEGAGALAN. -- LAGI

1606MST 12 03 88

U B737 AAB  
MAHATHIR - KAIZAN 2 JITRA

BELIAU MENASIHATI PARA PAGAWAI KERAJAAN SUPAYA MENGAMBIL DAYA USAHA MENGUBAH SIKAP ORANG MELAYU AGAR MEREKA BERSEDIA MENGHADAPI KEHIDUPAN PERKAMPUNGAN SECARA TERSUSUN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, ORANG-ORANG KAMPUNG SUDAH TENTU AKAN MENERIMA PANDANGAN YANG BAIK UNTUK DIRI MEREKA KERANA ORANG MELAYU TIDAK AKAN MAJU JIKA MEREKA TERUS BERCUCUK TANAM SECARA TRADISIONAL.

KATANYA, PARA PEGAWAI KERAJAAN DAN WAKIL-WAKIL RAKYAT HENDAKLAH BEKERJA UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT DAN BUKAN SEMATA-MATA KERANA GAJI, MALAH LEBIH BERSIKAP INOVATIF UNTUK MENJAYAKAN PROJEK-PROJEK PERTANIAN RAKYAT.

+SOAL IKLIM DAN CUACA, SEPERTI KEMARAU, TIDAK HARUS MENJADI ALASAN BAGI MASALAH PENANAMAN KERANA SOAL KETIADAAN AIR BOLEH DIATASI,+ TAMBAH BELIAU.

BELIAU MEMBERI CONTOH PENANAMAN ANGGUR DI THAILAND YANG DILAKUKAN DI KAWASAN SAWAH SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH WALAUPUN DI EROPAH IA DITANAM DI KAWASAN BUKIT. -- LAGI

1608MST 12 03 88

U 8739 AAB  
MAHATHIR - KAIZAN 3 JITRA

PERDANA MENTERI JUGA MAHUKAN KAKITANGAN KERAJAAN DI DAERAH KUBANG PASU MEMBERIKAN PERHATIAN BERAT TERHADAP SOAL KEBERSIHAN MEMANDANGKAN DAERAH ITU MERUPAKAN SALAH SEBUAH PINTU MASUK UTAMA KE NEGARA INI.

BELIAU BERKATA, USAHA MENJADIKAN KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDARAYA YANG BERSIH TELAH PUN BERJAYA DAN DISANJUNG OLEH PARA PELAWAT DARI LUAR NEGERI.

SEBELUM ITU, PERDANA MENTERI MENDENGAR TAKLIMAT OLEH PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, HAJI ISMAIL DATUK HAJI SHAFIE.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN DIRAIKAN PADA JAMUAN TENGAH HARI DI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH DI SINI.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN ARDFF, MEMINTA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN MENINGKATKAN KERJASAMA SERTA MEMUPUK SEMANGAT PERSAUDARAAN SESAMA MEREKA BAGI MEMPASTIKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK.

DATUK SERI HAJI OSMAN BERKATA, MEREKA SEHARUSNYA MENGANGGAP TEMPAT KERJA, NEGERI DAN SELURUH RAKYAT SEBAGAI +HARTA+ YANG PERLU DIJAGA DENGAN BAIK SETIAP MASA.

+SIKAP SEUMPAMA ITU AKAN MENJAYAKAN HASRAT KERAJAAN UNTUK MEWUJUDKAN PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG CERGAS DAN CEKAP MENJALANKAN TUGAS UNTUK FAEDAH RAKYAT TANPA BERLAKU PEMBAZIRAN,+ KATANYA. --  
BERNAMA

1624MST 12 03 88